

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 11 JUN 2024  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 24

## 12 firma Malaysia catat prestasi saham terbaik Asia Tenggara

### 12 firma Malaysia catat prestasi saham terbaik Asia Tenggara

Sebanyak 12 syarikat Malaysia disenaraikan dalam 15 saham syarikat yang mencatatkan prestasi paling baik di Asia Tenggara untuk tempoh lima bulan pertama tahun ini, kata Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli.

Beliau berkata, pemantau ekonomi menyenaraikan 15 saham syarikat yang mencatatkan keuntungan paling mendak di Asia Tenggara dan 12 daripadanya merupakan syarikat Malaysia, sekali gus menunjukkan negara kembali di landasan baik di bawah permo-

rintahan Kerajaan Perpaduan. "Kestabilan politik sudah ada, mata wang Malaysia juga antara paling baik tahun ini dari segi pengukuran dan dengan unjuran ini, Malaysia dijangka terus menjadi negara yang berpotensi di Asia Tenggara.

"Kita mula melihat tanda ekonomi yang semakin baik. Jika ini berterusan, unjuran menjelang 2027, 2038, Malaysia boleh diiktiraf dan diumumkan sebagai negara maju yang baharu," katanya dalam ucapan pada Majlis Pelancaran Jentera

Perpaduan Pilihan Raya Kecil (PRPK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Bakap di Nibong Tebal, malam kelmarin.

Mengenai harga minyak dan pelaksanaan penyasaran subsidi diesel, beliau yang juga Timbalan Presiden PKR berkata, dahulu harga minyak RM1.90 dan subsidi kerajaan berjumlah RM3 billion daripada bajet bernilai lebih RM200 billion.

"(Tetapi) sekarang, subsidi RM60 billion, harga minyak mentah AS\$80. Saya sebut dia hulu, kalsu harga minyak mentah rendah dan subsidi masih

boleh ditanggung, kenapa tidak hapuskan subsidi."

"Sekarang, apabila subsidi mencecah RM45 billion, nak buat sekolah tak boleh, naik gaji tak boleh dan subsidi harga rendah itu yang dapatnya orang kaya, bukankah lebih baik jika kita alihkan subsidi itu?

"Maksudnya, subsidi itu turus diberi kepada kenderaan awam, lorri koci, peniaga, mahal orang biasa asalkan ada kenderaan diesel dan mereka yang berpendapatan bawah RM100,000 setahun pun dapat RM200 sebulan," katanya.

Rafizi berkata, pelaksanaan penyasaran subsidi diesel juga membantu kerajaan mengalihkan subsidi terbatas kepada keluarga yang memerlukan secara bulanan berbanding membayar berbilion ringgit kepada syarikat minyak.

Kelmarin, Menteri Kewangan II, Dato' Seri Amir Hamzah Azizan mengumumkan harga diesel di semua stesen runcit Semenanjung ditetapkan pada RM3.35 setiap liter iaitu harga pasaran tanpa subsidi bermula 12.01 tengah malam tadi. BERNAMA